



SIARAN MEDIA

KONGRESS PERANCANGAN KEBANGSAAN MENYOKONG PENUH AKTA PSB

PUTRAJAYA, 28 Oktober 2025 – Timbalan Perdana Menteri, **YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof** hari ini telah merasmikan **Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS), Kongres Perancangan Kebangsaan (National Planning Congress – NPC)** dan **MyCITY Expo 2025** yang berlangsung di Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya.

Penganjuran ini merupakan kolaborasi strategik antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dengan sokongan penuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

HPBS 2025 mengangkat tema **“Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan untuk Rakyat”**. Fokus ini memperkukuh usaha menangani isu bandar usang yang mengganggu kualiti hidup masyarakat bandar termasuk jurang pendapatan, beban kewangan, kesejahteraan keluarga, keselamatan awam dan imej bandar.

Sambutan ini turut menjadi platform libat urus terbesar negara bagi mendapatkan pandangan terhadap **Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB)** melalui sesi Diskusi Ilmiah: *Transforming Our Cities For A Better Urban Future* bagi memastikan dasar yang dirangka benar-benar mencerminkan aspirasi rakyat di lapangan.

Dalam ucapan alu-aluannya, **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming** menzahirkan komitmen KPKT untuk **memperkukuh agenda pembaharuan bandar** berlandaskan prinsip Malaysia MADANI, dengan memberi keutamaan kepada aspek **keterangkuman sosial, kesejahteraan komuniti serta peningkatan daya huni bandar** yang lebih seimbang dan berorientasikan rakyat.

Beliau turut berkata, “Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa komited, prihatin dan menyantuni suara rakyat, **KPKT menyambut baik segala pandangan untuk menambah baik RUU PSB dengan hati terbuka**. Sekiranya terdapat cadangan yang baik, KPKT bersedia untuk membuat pindaan berkaitan dan membawanya ke Parlimen agar kita dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di kawasan bandar yang usang dan daif”.

Sebagai penghargaan kepada penggiat perancangan bandar negara, **YAB Timbalan Perdana Menteri telah menyampaikan 12 anugerah khas**, meliputi Anugerah Khas SDG 11: *Leading in Sustainable Cities and Communities*, Penarafan *Smart Township 2025*, *Developing Smart City 2025*, *Leading Smart City 2025*, Anugerah Perdana Amalan Perancangan Terbaik 2025, Anugerah Perdana Bandar Mampan MADANI 2025 serta Anugerah MIP *Honorary Fellow*.

Seterusnya, **Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu** turut menyampaikan **49 Anugerah Malaysia Urban Planning Awards (MUPA2025)** merangkumi 11 Anugerah Bandar Paling Mampan 2025, 27 Anugerah Penarafan *Smart City 2025* dan 11 Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik 2025.

Seiring sambutan HPBS 2025 Peringkat Kebangsaan, turut dianjurkan **Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) 2025** dan **MyCity Expo 2025** yang bertemakan **“AI Meets Urban Planning”** memberikan ruang kepada pakar, pengamal dan penggubal dasar untuk mengetengahkan pendekatan baharu perancangan digital, analitik urban masa nyata dan integrasi AI dalam reka bentuk bandar pintar. Antara pengisian lain adalah *MyCity Run!*, *MyCity Expo*, Bengkel *Student’s Placemaking*, dan *Young Planner’s Forum*.

Kemuncak program menyaksikan sesi *High-Level Keynote and Dialogue* yang mempertemukan tokoh penting dalam landskap perancangan dan pembangunan bandar serantau iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa; Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari dan Timbalan Gabenor Jawa Timur, YBrs. Dr. Emil Elestianto Dardak bagi membincangkan hala tuju perancangan bandar global.

Penganjuran HPBS 2025 bukan sahaja mengiktiraf sumbangan perancang bandar sebagai jurutera sosial masa depan, malah mengukuhkan strategi pembaharuan bandar melalui AI, inovasi dan kerjasama pelbagai pihak selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 11).

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib; Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif; Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud; Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli; Presiden MIP, YBrs. TPr Hj. Mazrina binti Dato' Abdul Khalid, pegawai-pegawai kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan, wakil PBT seluruh Malaysia, institusi pengajian tinggi awam, pemaju hartanah, sektor swasta, komuniti dan juga pertubuhan profesional.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

SENARAI PENERIMA

BIL	ANUGERAH	PENERIMA
1.	ANUGERAH KHAS SDG 11: <i>LEADING IN SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES</i>	Bandaraya Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)
2.	ANUGERAH PENARAFAN <i>SMART TOWNSHIP 2025</i>	Platinum 1. Sunway City Iskandar Puteri oleh Sunway Iskandar Development Sdn Bhd Gold 1. Cyberjaya oleh Cyberview Sdn Bhd 2. Twentyfive.7 oleh Gamuda Land (Kemuning) Sdn. Bhd. Silver 1. Gamuda Cove oleh Gamuda Land (T12) Sdn. Bhd. 2. Gamuda Gardens oleh Bandar Serai Development Sdn. Bhd.
3.	ANUGERAH PENARAFAN <i>SMART CITY 2025</i>	Tahap 2: <i>Developing Smart City</i> 1. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2. Majlis Bandaraya Shah Alam Tahap 3: <i>Leading Smart City</i> 1. Majlis Bandaraya Johor Bahru
4.	ANUGERAH AMALAN PERANCANGAN TERBAIK 2025 - Anugerah Perdana Amalan Perancangan Terbaik 2025	IJM Land Berhad (Bandar Rimbayu, Kuala Langat & Bandar Seremban 2, Seremban)
5.	ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2025 - Anugerah Perdana Bandar Mampan MADANI 2025	Bandar Putrajaya (Perbadanan Putrajaya)
6.	ANUGERAH <i>MIP HONORARY FELLOW</i>	YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib Ketua Setiausaha, KPKT

BIL.	PENERIMA
ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2025	
1.	Bandaraya Melaka Bersejarah - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
2.	Bandaraya Seremban - Majlis Bandaraya Seremban
3.	Bandaraya Kuantan - Majlis Bandaraya Kuantan
4.	Bandar Hang Tuah Jaya - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
5.	Bandar Sepang - Majlis Perbandaran Sepang
6.	Bandar Kuala Selangor - Majlis Perbandaran Kuala Selangor
7.	Bandar Kerian - Majlis Daerah Kerian
8.	Bandar Rembau - Majlis Daerah Rembau
9.	Bandar Jerantut - Majlis Daerah Jerantut
10.	Bandar Beaufort - Majlis Daerah Beaufort
11.	Bandar Bintulu - Lembaga Kemajuan Bintulu

BIL.	PENERIMA
ANUGERAH PENARAFAN SMART CITY 2025	
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
2.	Lembaga Kemajuan Bintulu
3.	Majlis Perbandaran Bentong
4.	Majlis Perbandaran Dungun
5.	Majlis Perbandaran Jasin
6.	Majlis Perbandaran Jempol
7.	Majlis Daerah Kerian
8.	Majlis Perbandaran Kluang
9.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
10.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu
11.	Majlis Perbandaran Kulim
12.	Majlis Perbandaran Muar
13.	Majlis Perbandaran Pontian
14.	Majlis Perbandaran Sibu
15.	Majlis Perbandaran Sungai Petani
16.	Majlis Perbandaran Taiping
17.	Majlis Perbandaran Tawau

BIL.	PENERIMA
ANUGERAH PENARAFAN SMART CITY 2025	
18.	Majlis Perbandaran Temerloh
19.	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
20.	Majlis Daerah Kota Tinggi
21.	Majlis Daerah Labis
22.	Majlis Daerah Lipis
23.	Majlis Daerah Marang
24.	Majlis Daerah Mersing
25.	Majlis Daerah Perak Tengah
26.	Majlis Daerah Simpang Renggam
27.	Majlis Daerah Yong Peng

BIL.	PENERIMA
PENGHARGAAN AMALAN PERANCANGAN TERBAIK	
	Penghargaan Kejiranan Hijau
1.	Kebun Komuniti Garden 8, Taman Perwira Gombak, Selangor
2.	Kebun Komuniti JPKK Sungai Tua, Selangor
3.	JMB Pangsapuri Sri Bakawali, Bukit Sentosa Rawang, Selangor
	Penghargaan Tenaga Diperbaharui
1.	Sekolah Sri Seremban, Negeri Sembilan
2.	Surau Komuniti TSP, Senawang, Negeri Sembilan
3.	IJM Land Berhad Bandar Rimbayu, Selangor
	Penghargaan Laluan Mesra Alam
1.	IJM Land Berhad Seremban2, Negeri Sembilan
2.	Seri Tanjung Pinang Fasa 1 (E&O Property (Penang) Sdn Bhd)
	Penghargaan Mobiliti Mampan
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar, Perak
2.	Sri Pulai SRS Ebike Patrol, Skudai, Johor
3.	IJM Land Berhad Seremban2, Negeri Sembilan

FACT SHEET (TAMBAHAN)

Anugerah Bandar Paling Mampan 2025

- Pengukuran sebanyak 51 indikator MURNInets telah dilaksanakan kepada 153 PBT pada tahun 2025 yang merangkumi 98 PBT di Semenanjung Malaysia, 3 PBT di Wilayah Persekutuan dan 26 PBT di setiap Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Dari jumlah tersebut, sebanyak 140 PBT (92%) berstatus mampan manakala 13 PBT (8%) lagi status sederhana mampan. RMK-12 telah menasaskan sebanyak 120 PBT mampan pada tahun 2025.

Anugerah Penarafan *Smart City* 2025

- Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) telah mengiktiraf 30 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berjaya meraih Penarafan Bandar Pintar Malaysia bagi tahun 2025 iaitu:
 - **27 PBT** mencapai Tahap 1: *Smart City Early Adopter*, menandakan langkah awal yang berani oleh PBT terlibat;
 - **Dua (2) PBT** melangkah ke Tahap 2: *Developing Smart City*, mencerminkan kemajuan yang berterusan dan inovatif; dan
 - Buat pertama kali dalam sejarah, **satu (1) PBT** telah berjaya melonjak ke Tahap 3: *Leading Smart City*, satu pencapaian membanggakan yang meletakkan Malaysia di landasan yang tepat untuk menjadi peneraju bandar pintar serantau dan global.
- Penerima anugerah bukan sahaja menerima sijil dan trofi, malah turut diberikan keutamaan dalam permohonan projek bandar pintar di bawah Projek Kecil BP. 1, yang diselia oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT.

Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik

- Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik (APT) merupakan inisiatif PLANMalaysia bagi mengiktiraf pelbagai pihak termasuk individu, komuniti, organisasi, pertubuhan, agensi kerajaan dan swasta, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pemaju hartanah yang telah menunjukkan komitmen dalam mewujudkan persekitaran pembangunan yang mampan.
- Program ini juga bertujuan menggalakkan pematuhan terhadap garis panduan perancangan dan menonjolkan role-model yang boleh dijadikan panduan dan penanda aras bagi mewujudkan pembangunan yang mampan, sejahtera dan inklusif daripada aspek fizikal, sosial, ekonomi serta alam sekitar.
- Bagi tahun 2025, pelaksanaan APT25 adalah bertemakan “Penggerak Amalan Gaya Hidup Hijau dan Rendah Karbon Merealisasikan Pembangunan Mampan”. Selaras dengan tema tersebut, penghargaan akan diberikan kepada pihak yang telah mematuhi aspek-aspek perancangan yang telah digariskan di dalam lima (5) Garis Panduan Perancangan (GPP) yang dibangunkan oleh PLANMalaysia, iaitu:
 - a) Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau
 - b) Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Perubahan Iklim
 - c) Garis Panduan Perancangan Pembangunan Ladang Solar
 - d) Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB)
 - e) Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti